

16 MAY 1997

Abdullah-China

CHINA DIJEMPUT KE SIDANG KEMUNCAK TIDAK RASMI PEMIMPIN ASEAN

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- China pertama kalinya dijemput untuk menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi pemimpin-pemimpin Asean yang dijadual berlangsung di sini dari 14 hingga 16 Dis ini.

Jemputan itu disampaikan kepada Presiden Jiang Zemin di Beijing hari ini oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang kini dalam rangka lawatan ke China, demikian menurut kenyataan Kementerian Luar di sini.

Abdullah turut memberitahu pemimpin China itu bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghantar jemputan rasmi berhubung perkara itu dan berharap pemimpin itu dapat hadir.

Jepun dan Korea juga turut dijemput menghadiri pertemuan antara pemimpin-pemimpin Asean itu, kata kenyataan itu.

Menurut Wisma Putra, dalam pertemuan itu, Jiang menyatakan bahawa kerajaan China menyambut baik peranan positif yang telah dimainkan oleh Asean di rantau ini dan juga di peringkat antarabangsa.

Abdullah dan pemimpin China itu juga turut berbincang mengenai peranan China khususnya mengenai "teori China sebagai ancaman".

Menurut kenyataan itu, Jiang yang berpendapat bahawa China masih akan terus menjadi sebuah negara membangun dalam jangka masa yang lama bersetuju dengan Abdullah bahawa China memerlukan keamanan serantau bagi menjayakan modenisasi ekonominya.

Pemimpin China itu juga memberi jaminan bahawa negara itu tidak ada hasrat untuk berkonfrantasi dengan mana-mana negara walaupun setelah berjaya dalam pembangunan ekonominya kelak.

Jiang juga menyatakan bahawa China menghargai hubungan baik dengan Malaysia dan beliau juga turut menantikan lawatan Yang di-Pertuan Agong ke negara itu Julai ini. -- BERNAMA

RHM MAI RON